

IMEJ WANITA KORPORAT DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU MODEN MALAYSIA: DARIPADA LENSA PENGARANG WANITA

Norhayati Ab. Rahman

Abstrak

Imej wanita telah banyak dilakar dan diperkatakan dalam teks-teks kesusasteraan Melayu. Malah watak wanita telah menjadi subjek dan objek utama dalam teks karya kesusasteraan, baik sastera Melayu tradisional mahupun sastera Melayu moden. Dalam kebanyakan teks tersebut, imej wanita digambarkan daripada pelbagai perspektif, yang dikaitkan dengan peranan yang berbagai-bagai pula sifatnya. Antara lain, wanita seringkali dilukiskan dengan imej sebagai isteri yang taat, ibu yang penyayang, pemimpin yang adil, kekasih yang setia, kawan yang setiakawan dan sebagainya. Bagaimana pun, selaras dengan peredaran zaman dan kemajuan yang telah dicapai oleh kaum lelaki. Gambaran tentang realiti kejayaan wanita dalam dunia korporat ini telah mendapat perhatian daripada pengarang wanita Malaysia, untuk diungkapkan ke dalam penulisan teks kesusasteraan mereka. Justeru, makalah ini akan cuba untuk membincang dan memperlihatkan sejauh manakah lakaran imej kejayaan wanita dalam bidang korporat di Malaysia, yang dipaparkan dalam teks kesusasteraan Melayu moden, khususnya genre novel yang disorot daripada lensa pengarang wanita.

CORPORATE WOMEN'S IMAGE IN MODERN MALAY LITERARY TEXTS: FROM THE AUTHORESS PERSPECTIVES

Abstract

Women's image in Malay literary texts frequently sketched and discussed. The disposition of women had been made as main subject and object of both the traditional and modern literary texts. Most of these texts, describe the images from various perspectives, which were attributed to various characteristics. As such, women were often characterized as obedient wives, loving mothers, wise leaders, loyal lovers, thrust worthy friends and so forth. Nowadays, men and women are equal in their fields. In fact, many of them have been involved and succeeded in the corporate field which was previously dominated only by male. The images of women's success reality in the corporate world have attracted the attention of Malaysian authoress to express their literary texts writing. Precisely, this paper attempt to discuss and show how the women's images have succeeded in modern Malay literary texts, particularly on the novel genre viewed from the authoresses' perspective.

Pendahuluan

Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2004, 49% (12,557,700 orang) daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan wanita dan kira-kira 48% daripada jumlah penduduk wanita merupakan tenaga buruh (Malaysia, 2005). Peningkatan dalam penyertaan wanita sebagai tenaga buruh menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan negara semakin menyerlah dan kian positif. Ini dibantu oleh pembangunan negara yang banyak membuka peluang dan ruang bagi wanita mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan aktiviti di samping membuka dan menyahut cabaran yang lebih besar untuk terus berperanan dan berjaya selaras dengan proses perindustrian dan pemodenan negara menuju abad ke 21 (Mohd Asri Abdullah, 1997). Wanita korporat pula merujuk kepada golongan usahawan wanita, iaitu wanita yang menceburkan diri dalam kegiatan keusahawanan (Affifuddin Omar, 1996). Keusahawanan itu sendiri merujuk kepada individu yang merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan. Sementara usahawan itu pula merupakan individu yang berorientasikan tindakan, bersifat kreatif, inovatif, bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan (Khairuddin Khalil, 1996). Usahawan juga adalah merujuk kepada seseorang yang mengamalkan sikap ketekunan dalam melaksanakan kerja. Mereka mempunyai keyakinan diri kepada apa yang dihajati serta keupayaan meletakkan arah kepada destinasi yang dituju (Sabri, 2002).

Wanita dan Perniagaan

Dunia perniagaan bukanlah satu bidang yang asing bagi kaum wanita. Contoh usahawan wanita yang paling tepat ialah Siti Khadijah, isteri baginda Rasulullah SAW yang terlibat dengan perniagaan sehingga pada peringkat antarabangsa. Siti Khadijah merupakan contoh usahawan wanita terbaik bagi kaum wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan. Dengan sikap, komitmen dan keinginan yang ditunjukkan dalam kalangan usahawan wanita pada masa kini, adalah tidak mustahil jika pada suatu hari nanti dunia keusahawanan akan diambil alih dan didominasi oleh wanita. Kata-kata bahawa ‘tempat wanita hanya diceruk dapur’ adalah tidak relevan lagi pada hari ini. Sebaliknya pepatah Melayu yang menyatakan ‘tangan yang menghayun buaian itu sebenarnya berupaya menggegarkan dunia’ sudah semakin terbukti kebenarannya.

Selepas lebih 52 tahun negara mencapai kemerdekaan, wanita Malaysia telah mencatat kemajuan yang amat besar dan membanggakan. Bukan sahaja jumlah wanita yang terdidik dan memegang jawatan penting bertambah, mereka juga telah memasuki bidang-bidang baharu yang dahulunya hanya merupakan dunia lelaki. Misalnya, Malaysia telah melahirkan para hakim wanita, duta besar wanita, usahawan wanita, ahli aeroangkasa, pengkaji sejarah purbakala wanita, naib canselor wanita, dan ramai profesor wanita. Wanita Malaysia kini bukan sahaja berlegar di gelanggang kebangsaan, malah menjangkau jauh ke dunia antarabangsa. Ahli-ahli profesional wanita Malaysia, berkerjasama dan mendapat pengiktirafan daripada rakan-rakan antarabangsa, baik dalam

bidang penyelidikan, diplomasi dan perniagaan, malah dalam bidang kesenian dan politik.

Tradisi wanita yang melibatkan diri dalam dunia perniagaan memang banyak berlaku di negara-negara Asia Tenggara dan Afrika. Di Asia Tenggara, ruang perniagaan banyak dikuasai oleh wanita sehingga mewujudkan suatu pola perniagaan dalam kalangan wanita. Kewujudan lebihan daripada peta subsisten menjadi faktor utama dalam menentukan penglibatan wanita dalam perniagaan yang banyak bermula di pasar. Sejarah awal keterlibatan wanita dalam perniagaan bermula daripada satu unit ekonomi asas keluarga tani yang wujud dalam pertanian subsisten. Apabila wujudnya lebihan hasil pertanian, ia akan dijual di pasar. Misalnya seperti yang dicatatkan oleh Abdullah Munshi dalam *Kisah Pelayaran Abdulah Ke Kalantan* yang menyebut tentang kunjungannya ke pasar di Kelantan dan Terengganu dan mendapati “segala yang berkedai dan berniaga itu perempuan belaka (2005:134). Peranan secara tradisi ini bukan sahaja berterusan, malah telah berkembang pesat pada hari ini. Sehingga kini telah tersenarai nama-nama wanita korporat terkenal di Malaysia seperti Datuk Maznah Hamid (keselamatan), Dato’ Maznah Abdul Jalil (automotif), Datuk Mohaiyani Shamsuddin (kewangan dan saham), Dato Dr Norraesah Mohamad (perbankan dan komunikasi), Rozita Ibrahim (kosmetik) Aishah Shaikh Ahmad (automotif), Dr Clara L.Chee (kosmetik), Dato’ Kamilia Ibrahim (guaman), Khairiah Mohd. Talha (perancang bandar), Datuk Khatijah Ahmad (perbankan), Marina Yusuf (guaman) dan ramai lagi.²²⁰ Nama-nama tersebut terus meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan tersebut menunjukkan bahawa wanita di Malaysia mempunyai komitmen untuk memanfaatkan peluang-peluang dalam perdagangan dan industri, hasil daripada proses perindustrian dan pembangunan ekonomi.

Wanita dalam Kesusasteraan

Kajian mengenai imej wanita dalam kesusasteraan Melayu pula setakat ini telah banyak dilakukan, baik oleh pengkaji luar mahupun dalam negeri. Antaranya adalah yang dilakukan oleh Rosnah Baharuddin (1995) berjudul "Wanita Dalam Novel A. Samad Said", dengan memberikan perhatian khusus kepada aspek perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam tahap-tahap sebelum perang, semasa perang, selepas perang dan selepas merdeka. Rosnah menggunakan pendekatan feminism dalam konteks budaya dan menghubungkannya dengan perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat. Dalam penelitian tersebut, Rosnah mengkaji watak-watak wanita dalam novel-novel A.Samad Said dan merumuskan bahawa kedudukan wanita telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Hal ini berlaku kerana perubahan peranan masyarakat, terutama apabila

²²⁰ Menurut Suruhanjaya Syarikat (*Companies Commission of Malaysia*), sebanyak 49,554 unit perniagaan yang dimiliki oleh wanita telah didaftarkan dalam tahun 2000 dan sebanyak 54,626 lagi telah didaftarkan pada tahun 2001. Dalam 6 bulan pertama tahun 2002 pula sebanyak 28,185 buah perniagaan telah didaftarkan.

bertambah ramai wanita mendapat pendidikan, seterusnya bekerja di luar rumah. Pengkaji telah menerokai dan mengemukakan sesuatu yang tersurat dan tersirat tentang dunia wanita dalam penulisan novel. Namun begitu, dalam penelitian tersebut pengkaji hanya menumpukan kepada garapan citra wanita oleh pengarang lelaki yang didasarkan kepada kerangka pemikiran teori feminis. Tidak ada percubaan untuk melihat perlukisan imej wanita oleh wanita sendiri, apatah lagi melihat penglibatan wanita dalam dunia korporat.

Kajian lain dilakukan oleh Christine Campbell dalam *Contrary Visions Women and Work in Malay Novel Written by Women* (2004). Melalui kajian ini Campbell membincarakan tentang imej wanita yang dipaparkan oleh novelis lelaki pada tahun 1960. Menurut beliau imej wanita dalam novel lelaki adalah sebagai “*Dull housewives, mad women farmers, prostitutes, the greedy wives of corrupt politicians*” (2004:1). Namun menurut Campbell, apabila pengarang wanita mula aktif menulis novel, paparan imej wanita telah ditampilkan secara berbeza oleh mereka. Pemerihalan tentang wanita mulai berubah, kerana wanita baru adalah wanita yang lebih berdikari dan berpendidikan. Dengan mengambil contoh watak-watak wanita yang bangkit dengan citra baru seperti watak Mazni (*Badai Semalam*, 1968) oleh Khadijah Hashim, Nur Diana (*Seroja Masih Di Kolam*, 1968) oleh Adibah Amin, Sheirin (*Sebelum Berhujung Musim Bunga*, 1972), oleh Zaharah Nawawi, dan watak Imrah (*Ombak Bukan Biru*, 1977) oleh Fatimah Busu telah memperlihatkan pola penceritaan dan imej wanita yang berbeza dalam penulisan novel Melayu. Kajian ini juga telah memperlihatkan penglibatan wanita dalam dunia politik di Malaysia. Namun tidak ada bahagian yang memperkatakan soal hubungan wanita dan perniagaan.

Selain itu, Virginia Matheson Hooker dalam kajiannya yang berjudul *Writing a New Society: Social Change Through the Novel in Malay* (2002) turut menyentuh beberapa novel oleh pengarang wanita. Novel-novel yang disentuh ialah *Hari Mana Bulan Mana* (1968) oleh Adibah Amin, *Merpati Putih Terbang Lagi* (1972) oleh Khadijah Hashim dan *Kepulangan* (1980) oleh Fatimah Busu. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini Hooker lebih menumpukan kepada perubahan sosial masyarakat Melayu yang digambarkan melalui novel dan langsung tidak menyentuh tentang penglibatan wanita dalam dunia perniagaan.

Seterusnya Ruzy Suliza Hashim dalam *Out of the Shadows: Women in Malay Court Narratives* (2003) menumpukan pembicaraannya kepada imej tokoh-tokoh wanita dalam karya kesusteraan Melayu tradisional. Menerusi kajian ini, beliau membincangkan peranan dan penglibatan wanita dalam institusi politik, iaitu watak Tun Kudu, Tun Ratnawati, Hang Li Po, Dang Bunga, Dang Bibah, Tun Iram Sendari, Encik Apung, Puteri Tanjung Buih, Puteri Sa'dung, Puteri Gunung Ledang, Tun Fatimah dan lain-lain. Sehubungan itu, sudah tentulah kajian ini juga tidak menyentuh soal wanita dalam bidang korporat.

Imej Wanita Korporat dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden: Daripada Lensa Pengarang Wanita

Dalam membicarakan soal penglibatan wanita dalam dunia perniagaan daripada lensa pengarang wanita, didapati kebanyakannya memberi perhatian kepada permasalahan yang berhubung dengan cabaran-cabaran yang dihadapi wanita untuk berjaya. Kebanyakan karya kesusasteraan Melayu moden oleh pengarang wanita, khususnya novel memaparkan liku-liku dan cabaran hidup yang dihadapi oleh wanita, sebelum mereka sampai kepada titik kejayaan. Hal yang sama juga dikesan apabila mereka memaparkan citra wanita dalam lapangan korporat. Hal ini bukanlah sesuatu yang janggal, memandangkan dunia korporat dan risiko atau cabaran adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan permasalahan ini, El-Namaki (1990) telah mengenal pasti halangan-halangan umum yang perlu dihadapi oleh wanita yang menceburti bidang perniagaan. Halangan-halangan tersebut terbahagi kepada dua, iaitu peringkat kemasukan dan peringkat ketahanan. Halangan peringkat pertama adalah berhubung dengan aspek kebudayaan, perwatakan dan keupayaan dalam memenuhi fungsi keusahawanan. Peringkat kedua pula ialah (i) keupayaan mengurus dan mewujudkan rangkaian, (ii) tahap wawasan dan pengalaman yang dimiliki, (iii) tekanan persaingan, (iv) masalah modal, dan (v) tahap budaya korporat yang dimiliki. Oleh yang demikian, imej wanita korporat dalam novel pengarang wanita yang cuba dirungkaikan makalah adalah menggunakan *framework* yang telah digariskan oleh El-Namaki di atas.

(i) Keupayaan Mengurus dan Mewujudkan Rangkaian

Keupayaan mengurus dan mewujudkan rangkaian perniagaan merupakan satu syarat penting demi memastikan kejayaan dalam bidang perniagaan. Melalui novel *Menongkah Lumrah* (1996), pengarang Azmah Nordin mencitrakan perjalanan hidup watak Zakiyyah yang bermula sebagai seorang tukang sapu di firma PBC. Beliau sanggup belajar dari bawah, walhal sebelumnya dia bertaraf jurujual insuran yang berjaya. Begitu juga sekembalinya dengan ijazah dari belajar di luar negara, dia hanya dijadikan sebagai pembantu kepada TB. Namun semua itu diterima dan tanggungjawabnya dilakukan dengan penuh komitmen sehingga prestasinya menyerlah dan meningkat dari semasa ke semasa.

Menerusi novel ini, pengarang mencitrakan Zakiyyah sebagai wanita yang memiliki keupayaan dan kecekapan mengurus yang sangat baik. Seorang wanita yang tangkas dan bijak dalam menangani serta mengatasi permasalahan syarikat. Segala tindakan yang dilaksana, dirancang dengan tersusun sehingga setiap tugasannya seringkali disiapkan lebih awal daripada yang dijangkakan. Kebolehan, kegigihan dan kemampuan Zakiyyah dalam pengurusan telah berjaya menyelamatkan syarikat daripada kerugian berjuta ringgit. Kecekapan pengurusannya telah menyelamatkan syarikat daripada mengalami kerugian. Hal ini juga telah menaikkan imej dirinya sebagai ‘hero’ dan sekaligus memberi kredit kepada pencapaiannya dalam syarikat tersebut. Keupayaan beliau diakui oleh kawan dan lawan seperti yang dipamerkan menerusi petikan ini:

“Memang luar biasa dia..Kambing Gurun Betina Korporat itu. Memang mampu mengatur strategi – biarpun pada saat dia menapak di cerun yang amat curam! Ingatlah” (1996: 100).

Gambaran ini memperlihatkan bagaimana pengarang ingin membuktikan keupayaan pengurusan oleh wanita bernama Zakiyyah yang digelar oleh musuhnya sebagai “Kambing Gurun Betina” adalah mengatasi rakan-rakan lelakinya. Mengikut kajian, kebanyakan usahawan wanita bertanggungjawab dalam semua pengurusan dan pentadbiran perniagaan. Sebelum memulakan perniagaannya, usahawan wanita harus menyediakan belanjawan, membuat pilihan ke atas jenis perniagaan yang ingin diceburi, bentuk perniagaan, berorientasikan produk atau perkhidmatan, pemasaran atau lokasi yang strategik (Vaz, 1998). Faktor ini akan menjadi penentu kepada kejayaan mereka dalam bidang korporat yang diceburi, seperti yang diperlihatkan melalui watak Zakiyyah.

Selain Azmah Nordin, pengarang Aminah Mokhtar melalui novel *Dominasi Tebrau* juga turut memaparkan kehidupan dan liku-liku kehidupan imej wanita korporat. Pengarang memerihalkan citra wanita bernama Nur Nilam yang hanya bermula sebagai seorang jururawat yang menabur khidmat bakti secara sukarela di negara-negara bergolak. Kesedaran tentang peri pentingnya peranan dan tugas sebagai jururawat, menumbuhkan cita-cita untuk menjadi pembekal jururawat terlatih ke negara-negara yang memerlukannya. Melalui novel ini pengarang menonjolkan ciri-ciri keperihatinan dan ketabahan Nur Nilam ketika berdepan dengan situasi mangsa perang di negara yang bergolak. Rasa prihatin dan kesedaran tentang keperluan mangsa-mangsa konflik atau perang di negara tersebut mendorong beliau untuk mengusahakan perniagaan berasaskan perkhidmatan tersebut. Keupayaannya dalam pengurusan perniagaan tersebut kemudiannya terbukti apabila akhirnya Nur Nilam yang mewakili syarikat Tebrau Holding berhasil mewujudkan rangkaian perniagaan dengan negara-negara Timur Tengah dalam membekalkan jururawat terlatih ke negara-negara yang diperlukan. Kejayaan Nur Nilam dalam merealisasikan cita-citanya tergambar daripada ungkapan ini:

“Terima kasih Tuhan, kerana memberi aku kejayaan ini. Memorandum persefahaman termaterailah sudah. Hospital King Abdul Aziz, hospital di Jeddah, di Taif, di Oman dan di Dhahran bersetuju menerima tenaga perawat yang diuruskan oleh Hospital Siber, Tebrau Holding (2003: 2160).

Berdasarkan perlukisan pengarang di atas, menunjukkan bahawa wanita bukan sahaja digambarkan sebagai seorang yang bercita-cita tinggi, inovatif, dan gigih, malah mempunyai keupayaan dalam mengurus dan mewujudkan rangkaian perniagaan. Misalnya keberhasilan Nur Nilam dalam menandatangani MoU dengan beberapa hospital di Timur Tengah untuk membekalkan jururawat terlatih membuktikan kecekapan pengurusan wanita dalam perniagaan. Dengan memiliki ciri-ciri tersebut tidak hairanlah ramai wanita yang berjaya sebagai wanita korporat di Malaysia pada hari ini.

Melalui novel yang sama juga, pengarang mempamerkan usaha-usaha tiga beradik perempuan dalam *Dominasi Tebrau* yang berjaya dalam dunia perniagaan mereka. Mereka tiga beradik, walaupun asalnya mempunyai kerjaya yang baik dan mantap (dua orang adalah profesor sains aeroangkasa dan perubatan) tetapi berkongsi minat yang sama dalam bidang korporat. Meraka bergabung tenaga dengan menubuhkan hospital swasta yang memberikan perkhidmatan alternatif kepada rakyat dengan kos yang berpatutan. Antara kejayaan yang melambangkan keupayaan mengurus dan mewujudkan rangkaian perniagaan adalah seperti yang dipaparkan dalam petikan berikut:

“Atas sokongan ayah dan Pak Cik Hing, Hospital Siber dibina. Prof Siti Hawa menerajui jabatan biokimia. Luar biasa sambutannya, walaupun belum berusia sebulan. Jabatan itu sudah menyebarkan keluarbiasaan pengendaliannya. Penciptaan terkini insulin untuk pesakit diabetis mendapat sambutan syarikat farmasi yang terkenal di United Kingdom, baka lembu terbaik memberi sumbangan yang cukup besar kepada sektor penternakan.” (2004: 245).

Begitu juga dengan pemaparan Rusmini Shaari melalui novel *Jaringan* yang menunjukkan tahap keupayaan mengurus dan keupayaan wanita mewujudkan rangkaian perniagaannya. Melalui *Jaringan* pengarang memaparkan watak Titik Hamidah sebagai seorang wanita yang tabah, berani dan berwibawa dalam menerajui bidang korporat. Kejayaannya yang cemerlang mendapat pengiktirafan sebagai wanita korporat termaju di Malaysia, seperti yang digambarkan melalui perbualan watak-watak lain tentang beliau, misalnya yang diperlihatkan melalui petikan ini “Puan Hamidah tu Pengurus Syarikat Jaya Maju. Saya ingat dia adalah wanita yang termaju sekali di Malaysia dalam bidang perniagaan” kata Puan Sri Zabedah (2004: 43). Demikian citra kejayaan Titik Hamidah sebagai seorang tokoh korporat yang dipaparkan oleh pengarang. Selain itu, diperlihatkan juga keberhasilan Hamidah dalam mewujudkan rangkaian perniagaan sehingga di Hong Kong, New York, London dan Paris. Berdasarkan pemaparan yang dilukiskan oleh pengarang ini menunjukkan tahap keupayaan dan kecekapan wanita tersebut dalam mengurus perniagaan dan mewujudkan rangkaian perniagaannya, seperti yang dicitrakan oleh pengarang Rosmini Shaari.

Kemahiran pengurusan dan mewujudkan rangkaian yang dimaksudkan di sini termasuklah bidang kewangan (memperolehi modal, meramal dan belanjawan), perhubungan dengan orang ramai, penjualan dan pemasaran, inovasi produk dan menerbitkan idea, operasi perniagaan dan mengelola serta merancang (Hisrich & Brush, 1986). Walaupun aspek-aspek ini tidak diperincikan secara mendalam melalui novel-novel yang diperkatakan, namun secara tidak langsung telah disebut dan diperkatakan oleh setiap pengarang melalui watak-watak ciptaan mereka, seperti yang dicitrakan pada watak Zakiyyah, Titik Hamidah, Nur Nilam, Siti Zuraidah dan Amira. Mereka adalah lambang wanita-wanita korporat yang mempamerkan keupayaan pengurusan dan pembinaan jaringan yang luas dan mantap dari kaca mata pengarang Azmah Nordin, Aminah Mokhtar dan Rosmini Shaari.

(ii) Tahap Wawasan dan Pengalaman yang Dimiliki

Kajian oleh J. Lee (1997) menunjukkan bahawa pemilihan pekerjaan wanita dipengaruhi oleh faktor motivasi dari segi psikologi. Pemilik perniagaan biasanya didorong motivasi pencapaian dan dominasi yang tinggi. Hal ini meyakinkan bahawa pekerjaan yang memperolehi gaji tetap tidak dapat memenuhi keperluan dari segi pencapaian dan kuasa. Justeru, sebagai pemilik perniagaan sendiri, mereka lebih berkeupayaan dalam memenuhi keperluan kehidupan semasa daripada makan gaji.

Melalui *Menongkah Lumrah*, pengarang memperlihatkan bahawa wanita bernama Zakiyyah mempunyai wawasan dan tahap motivasi yang tinggi. Apatah lagi dengan latar belakangnya yang berasal daripada keluarga yang susah. Kesusahan juga menjadi pendorong atau motivasi utama seseorang untuk berusaha mengubah kehidupan kepada yang lebih baik. Ibunya adalah seorang peniaga kedai makan yang menyara persekolahan dan kehidupan anak-anaknya dengan titik peluhnya dalam perniagaan kecil-kecilan tersebut. Sementara bapanya sendiri seringkali tidak menunaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga, kerana selalu berpergian dengan alasan untuk bekerja dan jarang pulang ke rumah. Apabila meningkat remaja, Zakiyyah menolong ibunya menjual sayur-sayuran di pasar Inanam, dan kemudian menjadi seorang jurujual insuran yang berjaya, sebelum berhenti untuk berkhidmat dengan syarikat PBC. Peluang melanjutkan pengajian di European Management School di luar negara dengan dibiaya oleh syarikat PBC merupakan pengalaman dan ilmu yang sangat berharga. Latar belakang kehidupan keluarga dan latar pendidikan dalam bidang pengurusan yang diperolehi telah memantapkan lagi tahap wawasan dan pengalamannya untuk mengukuhkan kedudukannya dalam dunia perniagaan.

Pengarang Aminah Mokhtar melalui novelnya *Dominasi Tebrau* juga turut menggambarkan watak wanita hebat di Malaysia, yang mempamerkan tahap wawasan dan pengalaman yang dimiliki sehingga berupaya mencipta kejayaan dalam bidang korporat. Salah seorang daripada mereka adalah tokoh yang bernama Siti Zuraidah (Prof Dr. Siti Zuraidah), seorang pakar bedah otak (*neurosurgeon*) yang bertugas dengan penuh dedikasi di Hospital Edinburgh England. Bagaimanapun beliau menyimpan cita-cita dan wawasan yang tersendiri untuk kembali menabur bakti di tanah air sendiri. Hasrat tersebut telah berdepan dengan halangan peringkat pertama, iaitu dihalang oleh ayahnya sendiri, Datuk Tajul, seorang ahli perniagaan yang mempunyai prinsip dan persepsi yang berbeza terhadap dunia perniagaan dan kemajuan Barat. Ayahnya mahu beliau membina kejayaan dalam kerjayanya di Hospital Edinburgh, England dengan alasan; “Tapi peluang Siti di sini cerah. Tahun hadapan Siti akan menjadi dekan. Ayah mahu Siti menjadi dekan di sini (2003:13). Namun bagi Siti Zuraidah, jiwanya tidak terikat pada tempatnya bertugas. Seperti katanya “Darah saya tumpah di Tanjung Puteri. Semangat dan kasih saya kejap di sana ayah. Bayarlah gaji saya sejuta pun, cinta saya pada tanah air saya tidak akan tumbang, hatta, walau bergoyang pun ayah.” (2003: 13).

Wawasan dan cita-cita yang tinggi dalam kalangan wanita juga dikongsi oleh adik beradik Siti Zuraidah yang lain. Prof Amira (kakak sulung) misalnya, adalah seorang

saintis dalam bidang astrofizik, merupakan perempuan pertama dianugerahi ijazah astrofizik di universiti Otago, New Zealand. Beliau pernah mewakili Malaysia ke Persidangan Jawatankuasa Penggunaan Angkasa Lepas Secara Aman (*Committee for Peaceful Uses Space*, CORPORS). Tahap wawasan dan keperibadian yang digambarkan pada watak wanita ini dapat dilihat berdasarkan ungkapan beliau sendiri, iaitu “Begitu, bangsa negaraku bertuankan jati diri. Tidak pernah takut untuk jadi berani. Tidak gerun pandang ke atas, tidak gayat pandang ke bawah. Sentiasa optimis pandang ke depan..” (2003:25). Sementara tahap pengalamannya pada peringkat antarabangsa pula jelas tergambar pada bahagian berikut:

”Setelah 25 tahun mengkaji bintang, menganalisis bulan, meneropong matahari dan cakerawala, akhirnya aku dipanggil mengetuai antara ibu pejabat terpenting Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu-PBB” (2003: 19).

Adik mereka Nur Nilam adalah seorang jururawat yang asalnya berkhidmat memberi bakti di bumi bergolak ke Ethiopia, Palestine, Afrika. Namun oleh sebab cita-cita dan wawasannya yang tinggi, beliau berasa tidak puas dengan pencapaian kerjayanya selama ini. Justeru, beliau ingin meneroka ruang yang lebih besar untuk berjaya dalam bidang korporat. Hal ini dapat dikesan daripada impiannya yang tergambar pada petikan ini:

”aku begitu teringin menyediakan sebuah kecemerlangan untuk kehidupan peribadi, kehidupan keluarga dan kehidupan negara bangsa, dengan amanat yang diberi – menjadi perawat manusia, menjadi ahli korporat; walau pintu jiwaku sering diketuk godaan kegagalan“ (2003: 215).

Dengan wawasan dan tahap pengalaman yang dimiliki oleh ketiga-tiga beradik perempuan tersebut, mereka bergabung dengan pengalaman bapa mereka sendiri, Datuk Tajul dan sahabat keluarga mereka, Datuk Heng dengan mendirikan Hospital Siber. Berbekalkan wawasan, pengalaman dan kepakaran masing-masing mereka menerokai bidang perniagaan dengan keyakinan bahawa:”.. kepakaran kita tiga beradik, boleh menggegar tiang Tebrau Holding” (2003: 29).

(iii) Tekanan Persaingan

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dilakukan, dikenal pasti bahawa faktor persaingan merupakan salah satu masalah yang utama dihadapi dalam mengendalikan sesuatu perniagaan. Situasi yang sama turut dihadapi oleh para peniaga wanita. Hanya ketahanan fizikal dan mental serta keupayaan mereka berdepan dan mengatasi tekanan tersebut yang akan dapat memastikan kejayaan mereka dalam perniagaan. Menerusi novel *Menongkah Lumrah* misalnya, pengarang menunjukkan bagaimana kehadiran Zakiyyah di syarikat gergasi telekomunikasi PBC, ditentang oleh majoriti kekuasaan lelaki yang diwakili oleh para timbalan presiden syarikat seperti Thomas Bernet (TB),

Kamarul Arafat, Rafeai, Peter Woo, Kundangai dan Charles Abdullah. Pemikiran dan tanggapan lelaki selama ini (halangan budaya) menyebabkan mereka enggan menerima hakikat bahawa wanita juga mampu menduduki tempat yang setaraf dengan lelaki. Persaingan Zakiyyah dengan rakan-rakan lelakinya menyebabkan beliau terpaksa melalui detik-detik yang sukar dalam menuju kejayaan. Tekanan tersebut bukan sahaja diungkapkan dalam bentuk kata-kata berbaur fitnah, malah melalui perbuatan khianat. Sehubungan itu, rumahnya pernah dicerobohi dan diselongkar oleh para musuh perniagaanya. Semua itu adalah usaha untuk melumpuhkan semangat wanitanya dalam perjuangan tersebut. Begitu juga dengan fitnah terancang yang turut mempergunakan adiknya sendiri, Dayang Zubaidah, yang kemudiannya mengaku terlibat dalam konspirasi untuk menjatuhkannya. Tekanan demi tekanan daripada pesaingnya, menyebabkan Zakiyyah hampir menyerah kalah seperti yang diungkapkan dalam gambaran ini:

(Ya, mengapa engkau terus menyertai bidang korporat ini, jika ramai yang mempertikaikan kehadiranmu, Cik Dayang Zakiyyahku sayang? Apakah kerana ada Datuk Panglima Burhan yang membidani kelahiranmu sebagai jurujual, ingin membuka jalan ke pringkat tertinggi di firma PBC ini? Dengan kematian Datuk Panglima Burhan, apakah semangatmu untuk terus berjuang, untuk menaikkan taraf kaum wanita di mata kaum lelaki, turut mati?) (1996: 234).

Walau bagaimanapun, ibunya yang sentiasa memberi semangat berhasil meyakinkannya untuk terus kuat dan tabah dalam menghadapi cabaran dan persaingan dalam perniagaanya. Selain menghadapi pesaing-pesaing lelaki dalam perniagaan, suami Zakiyyah sendiri, Rafeai, juga tidak dapat menerima hakikat bahawa isterinya mampu mengatasi kedudukannya dalam firma besar tersebut. Tambahan pula Rafeai dihasut ibunya, yang turut memisahkan Zakiyyah daripada anak-anaknya. Namun Zakiyyah digambarkan sebagai seorang wanita yang tabah, bersemangat dan mempunyai aspirasi serta motivasi diri yang tinggi. Dengan memiliki sifat-sifat daya saing serta bijak menguasai dan menyelesaikan masalah, menjadikannya berupaya mengatasi pencapaian lelaki dalam syarikatnya.

Berbekalkan semangat ibunya, Zakiyyah membentuk dirinya menjadi wanita yang kuat dan tabah sehingga berjaya mendaki tangga demi tangga kejayaan, bermula dari seorang tukang sapu kemudian menjadi seorang timbalan presiden dan akhirnya menjadi presiden firma PBC. Pengarang membuktikan kesungguhan dan kegigihan wanita dalam mencapai cita-cita dan kehendak diri pasti akan membawa kejayaan cemerlang, walaupun terpaksa berdepan dengan tekanan persaingan yang hebat. Melalui novel ini, pengarang menegaskan bahawa wanita juga mampu berjaya setanding dengan lelaki, malah ada masanya mengatasi lelaki dalam dunia kerjaya. Hal ini dibuktikan pengarang apabila pada akhirnya Zakiyyah telah diberi kepercayaan bagi menerajui syarikat gergasi tersebut, mengenepikan pesaing-pesaingnya yang semuanya terdiri daripada kaum lelaki.

Permasalahan tekanan persaingan juga dihadapi oleh wanita bernama Titik Hamidah dalam novel *Jaringan* (2004) oleh Rosmini Shaari. Titik Hamidah bukan sahaja berdepan

dengan permasalahan dengan suaminya, seorang ahli akademik, tetapi juga berdepan dengan tekanan pesaing dalam perniagaan yang diceburinya. Beliau menghadapi persaingan dan prejedis rakan peniaga lelaki yang sering memandang rendah pada kebolehan dan keupayaan wanita. Misalnya seperti yang digambarkan melalui petikan ini:

“Biarlah saya berterus terang, Tan Sri. Bukannya saya ni prejedis, tetapi saya rasa susah hendak bekerja dengan orang perempuan ni. Sudah cukup ada seorang jenis itu di rumah, kalau ada seorang lagi dalam perusahaan kita, saya rasa agak kekok” kata Datuk Arif (2004: 52).

Gambaran ini menunjukkan bahawa walaupun mereka sedia berurus niaga dengan wanita, tapi tetap menyimpan rasa prasangka dan tidak senang terhadap kehadiran pesaing wanita dalam perusahaan mereka. Hasrat tersebut secara terang-terangan ditunjukkan melalui ungkapan ini: “Itu pukulan kepada Puan Hamidah, agar dia lenyap daripada segala perusahaan kita seterusnya” kata Datuk Arif (2004: 53). Demikian gambaran tekanan persaingan terhadap wanita yang terlibat dalam dunia perniagaan, yang dipaparkan oleh Rosmini Shaari melalui novelnya.

Dalam *Dominasi Terbau* pula, cabaran persaingan juga diperlihatkan oleh pengarang, yang membayangkan bahawa dunia perniagaan tidak dapat dipisahkan daripada cabaran dan persaingan. Misalnya persaingan daripada Datuk Majid pemilik Hospital Tanjung, yang pada mulanya memujuk Dr. Zuraidah agar menyertai mereka dengan menjanjikan pendapatan yang lumayan. Tetapi Dr. Zuraidah tidak tergoda dengan tawaran tersebut kerana beliau kembali ke Malaysia dengan visi dan misinya sendiri, iaitu “Aku hanya mahu menolong menurunkan kadar kecacatan tetap dan sementara kemalangan jalan raya, mangsa kanser otak dan mangsa kecederaan kepala” (2004: 227). Setelah gagal dengan cara memujuk, Datuk Majid melakukannya dengan cara ugutan, iaitu bertindak untuk menyaman Dr. Zuraidah yang terlibat dalam pembedahan yang megakibatkan kematian anak lelakinya. Walaupun Datuk Majid tahu bahawa anaknya meninggal bukan kerana kegagalan pembedahan, tetapi kerana penyakitnya yang disebabkan oleh pengambilan dadah.

(iv) Masalah Modal

Modal merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan sesebuah perniagaan. Modal selalunya berbentuk wang atau harta benda yang digunakan sebagai pokok untuk berniaga. Permasalahan modal sebagai halangan dalam bidang perniagaan turut disentuh oleh pengarang wanita. Misalnya dalam novel *Haruman Kencana*, pengarang memperlihatkan watak Kencana yang dipilih oleh Puan Sri Dr Farhana dari syarikat SBH Global bagi merintis pembaharuan dalam dunia korporat, iaitu sebagai pembekal pertama minyak wangi yang suci dan halal di Malaysia. Kencana dilantik sebagai penyelidik dan dihantar ke Perancis untuk tujuan R&D dalam industri minyak wangi. Walau bagaimanapun, selepas tiga bulan pemergiannya ke Perancis, dunia mengalami

kegawatan ekonomi yang teruk sehingga menyebabkan banyak syarikat gergasi yang muflis, termasuklah SBH Global. Masalah kewangan yang dialami oleh syarikat menyebabkan Kencana dilepaskan daripada syarikat dan dia terpaksa mengalami kehidupan melarat dan penuh cabaran.

Apa yang menarik di sini, pengarang menunjukkan Kencana akhirnya bangkit semula dalam bidang perniagaan, apabila Dominique sahabat karibnya di Perancis telah mewasiatkan hartanya kepada beliau sebelum dia meninggal dunia. Dengan modal tersebut, beliau membangunkan semula dunia perniagaan yang runtuh sebelumnya. Melalui novel ini pengarang Zaharah Nawawi mencitrakan bahawa selepas melalui pelbagai cabaran, wanita akhirnya berjaya mencapai cita-citanya. Kejayaan ini dilambangkan oleh terdiri megahnya bangunan syarikatnya sendiri, Haruman Kencana, seperti yang diperlihatkan dalam contoh ini: “Bangunan Haruman Kencana yang menempatkan pejabat pengurusan serta pusat penyelidikan setinggi dua puluh tingkat berwarna putih melati itu, dari jauh kelihatan begitu terserlah” (2008: 1-2). Dalam konteks ini, masalah modal yang dihadapi wanita digambarkan dapat diatasi juga pada akhirnya.

Dalam *Jaringan*, Rosmini Shaari turut memperkatakan hal ini apabila menggambarkan kejatuhan perniagaan Titik Hamidah yang diakibatkan oleh masalah kemelesetan ekonomi yang bukan sahaja melanda Malaysia, malah seluruh dunia. Hal ini dipaparkan seperti petikan ini: “Titik Hamidah sendiri mempunyai masalah dengan bank. Buat masa ini perusahaannya terhenti di sana sini. Keadaan ekonomi negara mengalami keadaan meleset, banyak peminjam bank terperangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana tidak dapat menjelaskan hutang mereka. Titik Hamidah ngeri memikirkan keadaan yang memalukan itu..”(2001: 269-270). Apa yang lebih memeritkan apabila beliau terpaksa menjelaskan hutang-piutang rakan kongsinya, iaitu paman Radin Adriani yang merupakan saudaranya sendiri. Berdasarkan teks ini, didapati Rosmini merupakan satu-satunya pengarang yang mencitrakan kejayaan wanita dalam perniagaan tetapi kemudiannya berakhir dengan kegagalan apabila jatuh muflis. Hal ini berbeza daripada pengarang-pengarang lain yang kebanyakannya mengekalkan kejayaan yang dicapai selepas menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia korporat yang diceburi mereka.

(v) Tahap Budaya Korporat Yang Dimiliki

Budaya korporat dikaitkan dengan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal pasti, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan. Dalam *Menongkah Lumrah*, ciri-ciri budaya korporat yang dimiliki oleh Zakiyyah jelas diperlihatkan oleh pengarang. Sikap dan kemahiran beliau dalam merebut peluang membawa kepada strategi perniagaan jelas diakui oleh kawan dan lawannya. Misalnya, apabila salah seorang kawan lelaki (pesaingnya) yang mengakui bahawa “(Memang luar biasa dia..Kambing Gurun Betina Korporat itu. Memang mampu

mengatur strategi – biarpun pada saat dia menapak di cerun yang amat curam! Ingatlah)” (1996: 100).

Selain kekuatan iltizam, Zakiyyah digambarkan sebagai seorang wanita yang cekap dalam mencari dan merebut peluang dan merealisasikannya dalam bentuk tindakan dan strategi perniagaan. Hal ini dapat dijelaskan apabila beliau yang asalnya hanyalah membantu ibunya berjualan, telah melihat peluang untuk membaiki kehidupannya dengan menyertai syarikat insuran sebagai jurujual. Apabila beliau mengenal pasti peluang yang lebih besar menunggunya dalam syarikat PBC, beliau menyertainya walaupun hanya bermula sebagai seorang tukang sapu. Dengan budaya korporat yang dijiwainya, akhirnya beliau tampil sebagai seorang tokoh yang dikagumi oleh banyak pihak, seperti contoh petikan ini:

Beliau, seperti arkitek perang niaga anak bangsa, bagaikan tidak pernah kehabisan dan ketandusan ilham, daya kepintarannya bukannya calang-calang. Mampu bersaing dan memiliki rasa bangga diri yang tinggi untuk bersaing dengan peniaga asing. Sesungguhnya dia berketerampilan..” (1996: 165).

Dalam *Dominasi Tebrau*, pengarang turut memperlihatkan bahawa setiap wanita yang berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi adalah mereka yang memiliki tahap budaya korporat yang tinggi. Elemen tersebut dilihat sebagai faktor penting yang telah memberi implikasi yang menyerlah dalam pencapaian mereka (Nur Nilam, Siti Zuraidah dan Amira) apabila akhirnya telah menempatkan diri mereka di tangga kejayaan yang cukup tinggi, seperti petikan ini:

1. “Nur Nilam baru pulang, sibuk menguruskan 600 tenaga jururawat untuk berkhidmat di negara Arab. Huh, tiba-tiba Hospital Siber jadi terkenal di mana-mana!” (2004: 245).
2. “Makmal Biokimia Tebrau Holding mula mendapat perhatian. Banyak spesimen dari hospital kerajaan, hospital swasta yang kami terima..” (2004: 251).
3. “Kak Siti jadi pakar runding Hospital Siber, menguruskan teleperubatan ke seluruh dunia, mewakili Malaysia..” (2004: 300).

Selain itu, kejayaan perniagaan dalam sektor perkhidmatan yang dipaparkan oleh pengarang banyak disokong oleh pengetahuan dan kemajuan ICT. Hal ini ditambah pula dengan nama hospital yang didirikan, Hospital Siber yang hampir sepenuhnya memanfaatkan kemudahan alam siber. Mereka memberikan perkhidmatan teleperubatan ke seluruh dunia, malah menjalankan pembedahan melalui telesidang yang menjadikan ia sebagai hospital pertama yang seumpamanya di Malaysia. Penceritaan ini juga menunjukkan bagaimana ICT telah menghubungkan wanita korporat Malaysia dengan dunia luar. Hal ini adalah selaras dengan kajian terhadap dunia perniagaan di Malaysia, yang menunjukkan rata-rata pengusaha dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan menggunakan kemajuan ICT sebagai teknik pemasaran. Selain itu, pengarang juga

menjadikan tokoh wanita Islam terkemuka dalam bidang korporat sebagai model kejayaan wanita Malaysia untuk berjaya. Misalnya Aminah Mokhtar mencitrakan imej wanita korporat Malaysia yang berjaya dengan cara dan acuan yang tersendiri, seperti ungkapan ini: “.hati saya, hati kak Long Amira, hati Kak Siti dan hati Kak Siti Hawa menjadi setabah dan semulia hati Siti Khadijah, yang menjadi tokoh korporat cemerlang, menjadi penganut Islam yang gemilang imannya” (2003: 223-224).

Berdasarkan perbincangan ini, menunjukkan bahawa gambaran yang sama juga dipaparkan oleh hampir semua pengarang yang karya mereka dibincangkan di sini. Hal ini membuktikan hanya dengan adanya ciri-ciri korporat di kalangan wanita, membawa mereka kepada kejayaan yang diimpikan dalam dunia perniagaan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, memperlihatkan imej wanita korporat yang dipaparkan dalam teks kesusasteraan Melayu moden, khususnya novel yang dicitrakan oleh pengarang wanita. Rata-rata pengarang yang dipilih karya mereka di sini, menunjukkan imej wanita korporat yang selaras dengan imej sebenar wanita korporat yang wujud dalam realiti kehidupan wanita Malaysia pada hari ini. Wanita dalam dunia perniagaan dikaitkan dengan pelbagai cabaran dan halangan sama ada pada peringkat pertama (kemasukan) atau pada peringkat kedua (ketahanan). Daripada contoh-contoh yang dikemukakan di sini, didapati semua bentuk halangan yang disebutkan oleh El Namaki dalam kajiannya terhadap wanita yang mencebur dunia perniagaan (khususnya pada peringkat ketahanan), telah dimanifestasi oleh pengarang dengan jelas dan rinci. Ciri-ciri ketahanan yang dihadapi oleh wanita dalam perniagaan sebenar, semuanya telah dikemukakan oleh pengarang dalam penulisan novel mereka. Misalnya, ciri pertama, keupayaan mengurus dan mewujudkan rangkaian perniagaan, telah digarap oleh pengarang Azmah Nordin dalam *Menongkah Lumrah*, Aminah Mokhtar dalam *Dominasi Tebrau* dan Rosmini Shaari dalam novel *Jaringan*. Ciri kedua, tahap wawasan dan pengalaman yang dimiliki, telah dipaparkan oleh ketiga-tiga pengarang yang sama. Begitu juga dengan ciri ketiga, iaitu tekanan persaingan dalam perniagaan yang juga telah dikemukakan oleh ketiga-tiga pengarang tersebut. Seterusnya untuk ciri keempat, iaitu masalah modal walaupun hanya didapati dalam dua buah, iaitu *Haruman Kencana* oleh Zaharah Nawawi dan *Jaringan* oleh Rosmini Shaari. Ciri terakhir, iaitu tahap budaya korporat yang dimiliki telah ditampilkan dalam hampir kesemua novel yang diperkatakan di sini. Berdasarkan keseluruhan gambaran yang diberikan oleh pengarang, dapat dirumuskan bahawa wanita hari ini telah berperanan penting dalam perkembangan ekonomi tanah air. Hal ini juga memberi gambaran bahawa dunia korporat yang diceburi oleh wanita Malaysia adalah bidang yang mencabar kewibawaan wanita. Penemuan ini menunjukkan bahawa imej wanita korporat yang dilukiskan oleh pengarang wanita adalah hampir selaras dengan gambaran tentang wanita korporat dalam realiti di Malaysia.

Bibliografi

- Affifudin Omar. 1996. Usaha wanita dalam konteks Rancangan Malaysia Ketujuh. Kertas kerja dibentangkan di *Konvensyen Wanita: Kerjaya Keusahawanan dan Keluarga*, 34 Disember, Kuala Lumpur.
- Aminah Mokhtar. 2003. *Dominasi Tebrau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. 1996. *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- EI Namaki. 1990. "A cross country examination of barries to women entry and continuity in busines and effort aiming at barrier waving". Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Peningkatan Usahawanan Wanita*, anjuran Pusat Daya Keluaran Negara dan Bahagian Hal Ehwal wanita, 25-26 Jun.
- Nor Aini Idris. 2003. "Daya Saing Usahawan Wanita Melayu Menghadapi Cabaran Globalisasi" dlm *Prosiding Persidangan Kebangsaan Cabaran Pembangunan Dilema Persekutaran*, UKM, Bangi. 12-13 September.
- Mohd. Razali Agus. 1997. *Pemikiran Ekonomi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd Asri Abdullah. 1997. *Pembangunan Perindustrian di Malaysia: Perkembangan dan Permasalahan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Hing, A.Y. dan Rokiah Talib (eds.). 1984. *Women and Employment in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Hong, E. (ed). 1983. *Malaysia Women: Problems and Issues*. Penang: Consumers Association of Penang.
- Hisrich, R.D dan Brush, C. 1986. Characteristic of the Minority Entrepreneur. *Journal of Small Bussiness Management*. pp 1-8.
- Khairuddin Khalil. 1996. *Keusahawan Sebagai Kerjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, J. 1997. "The Motivation of Women Entrepreneurs in Singapore" dlm. *International Journal of Entrepreneur Behaviour and Research*. 3. 92-110.
- Md. Nor Othman dan Wan Sabri Wan Hussin. 1997. "Penglibatan Orang Melayu Dalam Bidang Pemasaran: Masalah dan Saranan" dlm. *Pemikiran Ekonomi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Hal. 148-164.

Nik Safiah Karim. 1990. *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: "K" Publishing & Distributors Sdn Bhd.

Rosmini Shaari. 2001. *Jaringan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharah Nawawi. 2004. *Haruman Kencana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.